



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN LAKSANA HARI TERBUKA SKDS DAN PRA-PELANCARAN IHSAN CASHBACK & i-MESRA SEMENA JELAJAH KARNIVAL KPDN ZON TENGAH 2024

IPOH, 14 JULAI 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah dipertanggungjawabkan sebagai pelaksana Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS). Melalui SKDS, sebanyak 33 jenis pengangkutan darat awam dan barang terus dapat membeli bahan api diesel pada kadar subsidi melalui *fleet card* di stesen-stesen minyak iaitu pada kadar RM1.88 seliter bagi 10 jenis pengangkutan awam dan RM2.15 seliter bagi 23 jenis pengangkutan darat.

SKDS yang telah diperluaskan kepada sektor pengangkutan darat barangan pada 7 Mac 2024 hanya terbuka untuk sembilan jenis kenderaan pengangkutan barangan di Semenanjung Malaysia. Pada 13 Mei 2024, SKDS telah diperluaskan kepada penambahan 14 jenis kenderaan barangan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 33 jenis pengangkutan darat iaitu 23 jenis kenderaan barangan dan 10 jenis kenderaan awam.

Syarikat-syarikat yang tersenarai di bawah 33 jenis pengangkutan darat awam dan barangan tersebut boleh memohon menyertai SKDS melalui Sistem MySubsidi Diesel di bawah kawal selia KPDN. Permohonan lengkap boleh diluluskan serta-merta. Setakat 9.00 pagi, 14 Julai 2024, jumlah keseluruhan kenderaan pengangkutan awam dan barangan yang telah diluluskan subsidi diesel di bawah SKDS adalah sebanyak 248,887 kenderaan yang melibatkan 88,029 syarikat.

Selain permohonan secara dalam talian melalui Sistem MySubsidi Diesel, KPDN juga melaksanakan program turun padang untuk mempromosi dan menyediakan ruang dengan syarikat-syarikat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan dan sekali gus membuat permohonan. Program berbentuk *outreach* ini dilaksanakan melalui Program Hari Terbuka SKDS melalui reruai SKDS di program-program anjuran kerajaan seperti Program Jelajah KPDN dan Program Madani Rakyat.

Syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan SKDS boleh terus memohon *fleet card* daripada lima syarikat minyak yang telah diintegrasikan di dalam Sistem MySubsidi Diesel. Menurut rekod terkini yang diperolehi daripada lima syarikat minyak pada 8 Julai 2024, sebanyak 165,897 *fleet card* telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang memohon.

KPDN juga mengambil perhatian dan tindakan yang proaktif bersama kelima-lima syarikat minyak bagi memastikan pengeluaran *fleet card* dapat dikeluarkan pada kadar lebih cepat. KPDN akan terus memantau dan mengadakan sesi libat urus secara komprehensif bersama syarikat minyak dari semasa ke semasa untuk menangani aspek pengeluaran *fleet card* dengan lebih lancar. Satu mesyuarat penyelarasan untuk mengenal pasti mekanisme intervensi akan diadakan pada hari Khamis, 18 Julai 2024.

Bersempena dengan Majlis Perasmian Penutup Karnival KPDN Zon Tengah dan Festival Pengguna Tahun 2024 ini, satu Pra-Pelancaran dua inisiatif terkini sektor swasta di bawah inisiatif Ihsan Rahmah Madani (IRM), iaitu program Ihsan Cashback dan i-Mesra. Program-program ini direka khas untuk membantu rakyat Malaysia mengurangkan beban kos sara hidup dan meningkatkan daya saing peniaga tempatan.

Ihsan *Cashback* adalah program *cashback* 'e-Wallet' yang memberi pulangan wang atas pembelian melalui rangkaian rakan kongsi. Matlamatnya untuk membantu pengguna menjimatkan perbelanjaan, meningkatkan daya beli dalam ekonomi Malaysia dan mengekalkan sokongan kepada peniaga tempatan. Antara ciri-ciri penting termasuk pendaftaran mudah, rangkaian luas, proses penebusan ganjaran yang fleksibel, penebusan saluran silang untuk pelbagai perkhidmatan di Malaysia serta sektor makanan dan minuman.

Sistem i-Mesra pula merupakan platform pengurusan perniagaan digital yang membantu pengusaha perkhidmatan makanan dalam mengurus inventori, memberi rujukan bahan ramuan menyeluruh kepada pengguna, pengurusan kewangan, pemasaran, proses pengesahan digital, perlindungan liabiliti dan keuntungan bersama pihak Halal Development Corporation & Mimos Bhd. Program ini ditujukan untuk menyokong perniagaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS) terutamanya dalam sektor makanan dan minuman.

Kedua-dua inisiatif ini iaitu Ihsan *Cashback* dan i-Mesra diharapkan memberi manfaat kepada pengguna dan peniaga bagi semua sektor dan perkhidmatan di Malaysia manakala sektor makanan dan minuman yang menggunakan platform i-Mesra boleh menawarkan promosi khas atau *cashback* kepada pengguna yang menggunakan Ihsan *Cashback*. Ia dijangka dapat meningkatkan daya tarikan perniagaan mereka. Gabungan dua inisiatif ini diharapkan dapat membantu pengguna mengurangkan beban kos sara hidup ketika berbelanja harian dan seterusnya merangsang peniaga tempatan untuk memperluaskan pasaran mereka selaras dengan inisiatif KPDN di bawah 'Kempen Beli Barangan Malaysia'.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###